

20 OCT 2001

Mohd Khir-Pertanian

SEKTOR PERTANIAN DIBERI TUMPUAN LEBIH TAHUN DEPAN

TANJUNG KARANG, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan Selangor akan memberikan tumpuan yang lebih kepada sektor pertanian dalam usaha mengurangkan penggantungan negara kepada import makanan yang meningkat setiap tahun, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo.

Beliau berkata usaha ini akan dilakukan tanpa mengabaikan sektor industri sebagai penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negeri dengan memperkenalkan cara-cara moden dalam pengeluaran bahan makanan dan makanan.

"Kita akan mengisytiharkan tahun depan sebagai Tahun Pembangunan Sektor Pertanian sejajar dengan kehendak Kerajaan Persekutuan yang inginkan tumpuan lebih kepada sektor ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di sini, hari ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan menegaskan betapa perlunya sektor itu dibangunkan secara moden dengan memperkenalkan pertanian campuran untuk mengurangkan import makanan.

Dalam Belanjawan itu, daripada RM5.34 bilion yang diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar, RM1.58 bilion adalah untuk sektor pertanian.

Mohd Khir berkata antara pendekatan yang akan diambil ialah memperkenalkan penanaman padi secara berkelompok atau mini estet menggunakan cara-cara moden untuk meningkatkan pengeluaran yang sebaliknya akan meningkatkan pendapatan petani.

"Saya berasa kecewa apabila melihat petani masih mengerjakan sawah padi yang kecil menggunakan cara lama...ini perlu ditukar jika mahu melihat produktiviti meningkat dan membawa pulangan yang baik," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri bercadang untuk menukar sawah-sawah kecil ini sebagai mini estet dengan tanah-tanah yang disatukan itu masih miliki tuan punya tetapi pulangannya dapat diagih-agihkan sama rata.

Menteri Besar berkata satu lagi rancangan besar ialah rancangan penternakan komersil udang harimau secara moden di kawasan pantai dari Sepang ke Sabak Bernam.

Katanya, sebuah syarikat swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu akan mengendalikan projek itu dan selain memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia ia juga akan bantu dalam pemindahan teknologi.

-- BERNAMA

KM FAZ